

bagian v

# Tidak Mudah Menyerah

Dokumentasi sejarah membuktikan betapa tanah Nusantara ini terlalu kerap berpindah milik. Lingkungan subur dan strategik ini menjadi idaman kuasa-kuasa besar untuk memilikinya, sekurang-kurangnya untuk menguasai selat-selatunya, dan pulau-pulau kecil di halamannya. Malaysia baru saja menghela nafas kelegaan setelah terlepas dari kekuasaan penjajahnya. Malaysia dikatakan merdeka. Tetapi tidak semudah itu untuk merasa lega kerana pelbagai cara digunakan oleh pihak-pihak berkuasa dunia yang berkepentingan untuk menguasainya. Apa yang menderakan fikiran ialah apabila usaha-usaha untuk menguasai ini berlangsung tidak henti melalui budaya, politik, sosial, agama dan individu. Seolah-olah mereka tidak pernah tidur untuk terus memasang jerat. Ada individu yang sanggup tersungkur ke lumpur bagi merelakan pada bila-bila masa untuk menggadaikan setiap genggam tanahnya untuk wang dan perlindungan kuasa. Sanggup menggadai maruah datuk nenek dan anak cucu demi untuk kegelojohan nafsu kuasa. Tatkala melihat anak-anak muda berhingus hilang arah lantas menjadi biadap terhadap sejarahnya, agamanya dan negaranya, rasa terus didera. Malah lebih tersiksa apabila menyaksikan ada antara mereka yang sengaja melatih anak-anak ini berjudi mempertaruhkan budi dan cinta. Apa lagi yang ada kalau bahasa ibunda sendiri sudah tidak memiliki wajah lagi. Sedangkan membangun, memperjuang akan kewujudannya di sepanjang zaman. Dengan rendah hati, bahagian ini mempersembahkan titis-titis rasa yang berdarah itu sambil mewiritkan harapan dan mimpi supaya tanah ini tidak tergadai lagi.

## banjaran titiwangsa

kuredah lereng ini dengan lagu  
semerdu bisikan kekasihku malam itu  
kutiti puncaknya dengan dingin  
sedingin jari kekasihku malam itu

kupeluk kabus lembut ke jantungku  
selembut usapan sayang kekasihku malam itu

kudedahkan tubuhku ke syahduan matahari petang  
sesyahdu curahan cinta kekasihku malam itu

bila kubuka mata  
aku terbenam  
dalam pelukan banjaran titiwangsa

September 1981  
Pahang